

TARIKH	SELASA, 2 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM DAPAT DUIT RAYA RM500
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE



Penjawat awam mendengar ucapan Perdana Menteri pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga JPM, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## Penjawat awam dapat duit raya RM500

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar Jumaat ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menyalurkan BKK Aidilfitri kepada semua pearsa kerajaan, termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

“Hari ini (semalam), bersamaan 21 Ramadan 1445, saya umumkan, kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan

(BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.

“Insya-Allah saya sudah maklumkan kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di PUSPANITAPURI, semalam.

Bulan lalu, penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak turut menerima bayaran insentif awal Kajian Sistem

Saraan Perkhidmatan Awam (SS-PA) sebanyak RM2,000 yang disalurkan pada 23 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau memahami kesukaran yang dihadapi penjawat awam walaupun sudah menerima bayaran insentif awal RM2,000 sebelum ini.

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, menyifatkan BKK Aidilfitri yang diumumkan Perdana Menteri, semalam, menunjukkan kepimpinan Anwar sentiasa terbuka mendengar pandangan.

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM